

# ORANG MELAYU

## Masalah Dan Masa Depan

*Oleh: Syed Husin Ali*

### BAB 1 – Siapakah Orang Melayu?

Buku ini akan memperkatakan tentang orang Melayu, masalah yang mereka hadapi dan masa depan mereka. Sebagai permulaan perlulah kita mentakrifkan siapa yang benar-benar dikatakan Melayu itu. Secara lahir memang senang saja hendak mengenali mereka.

Mereka lazimnya berkulit sawo matang, berbadan sederhana besarnya, tetapi tegap dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa. Kita mengetahui juga bahawa di tanah Semenanjung ini merekalah anak watan asalnya. Mereka hidup bersama-sama dengan pendatang-pendatang yang telah digalakkan ke mari terutama sekali oleh penjajah Inggeris sernasa kekuasaannya di sini. Kini mereka merupakan hanya lebih sedikit daripada separuh penduduk Semenanjung.

Mengikut banci 1970, daripada 8,810,348 orang penduduk, cuma 4,685,838 atau 53.2% terdiri daripada orang Melayu. Bakinya ialah Cina (35.4 peratus), India (10.6 peratus) dan lain-lain (0.8 peratus). Angka-angka terakhir menunjukkan bilangan penduduk Malaysia yang berjumlah 26.64 juta pada tahun 2006, terdiri daripada Melayu (54 peratus), Cina (25 peratus), Bumiputera bukan Melayu (11.8 peratus), India (7.5 peratus) dan lain-lain (1.7 peratus) (Lihat Jadual 1.1 dan 1.2).

Sebenarnya, jikalau hendak ditakrifkan secara berbeza-beza, apa yang dikatakan 'Melayu' itu banyak huraian. Sekiranya diambil pengertiannya dari segi sosial dan budaya yang luas, maka istilahnya tidak terbatas hanya kepada mereka yang bermastautin di Semenanjung, tanpa meliputi lebih ramai orang yang tersebar luas di merata kawasan yang sering disebut sebagai Gugusan Pulau-pulau Melayu atau Nusantara. Terangkum di dalamnya ialah orang-orang asal di Semenanjung dan di ratusan pulau yang membentuk negara-negara Indonesia dan Filipina sekarang.

#### JADUAL 1.1

**AGIHAN PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK  
(bagi tahun 1970)**

KUMPULAN ETNIK	JUMLAH	PERATUS
MELAYU	4,685,838	53.2
CINA	3,122,850	35.4
INDIA	939,629	10.6

*Sumber: R Chander, Golongan Masyarakat —  
Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, hlm 6, Jadual VI.*

**JADUAL 1.2  
AGIHAN PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK  
(bagi tahun 2007)**

KUMPULAN ETNIK	JUMLAH	PERATUS
RAKYAT MALAYSIA	25,265.8	92.97
BUMIPUTRA	16,768.0	61.7
MELAYU	13,773.1	50.68
BUMIPUTRA LAIN	2,994.9	11.02
CINA	6,287.9	23.13
INDIA	1,883.9	6.93

*Sumber: Social Statistics Bulletin, Malaysia 2007, Department of Statistics.*

Walaupun banyak pecahan suku bangsa mereka dan hampir sebanyak itu pula bahasa dan loghat pertuturan mereka, namun ahli-ahli bahasa dan budaya menganggap mereka sebagai terangkum dalam kumpulan berketurunan yang sama, iaitu keturunan Melayu. Jadi dunia orang-orang Melayu ini adalah dunia yang luas dan bilangan penduduknya adalah ramai. Kelompok Melayu ini adalah salah satu kelompok yang besar di dunia.

Sejarah memperlihatkan bahawa pada zaman silam ada pasang surut dalam pemerintahan yang wujud di Nusantara ini. Waktu surutnya terdapat kerajaan-kerajaan kecil yang berpecah-pecah dan terbatas kekuasaannya kepada daerah-daerah tertentu sahaja. Tetapi sewaktu pasangannya wujudlah kerajaan-kerajaan besar seperti Sriwijaya, Majapahit dan Melaka, yang kuasanya melimpah meliputi sebahagian besar Semenanjung dan pulau-pulau dalam Nusantara.

Sempadan-empadan bagi kerajaan-kerajaan besar ini tidak ada garis-garis penentunya sebagaimana yang wujud di negara-negara zaman ini, bahkan yang menentukan sempadan itu ialah

kuasa yang ada pada kerajaan-kerajaan tersebut. Mana-mana saja tanah besar atau pulau yang tertakluk di bawah kerajaan-kerajaan besar itu adalah termasuk ke dalam kawasan negeri dan jajahan taklumnya. Justeru, luas dan sempit kawasan wilayahnya adalah mengikut turun naik kuasa kerajaan-kerajaan itu sendiri.

Kedatangan kuasa penjajah dari Barat mula menimbulkan sempadan-sempadan politik dan memisahkan orang-orang keturunan Melayu di Nusantara ini ke dalam lingkungan negeri yang berasingan: Sepanyol telah menguasai pulau-pulau yang sekarang termasuk ke dalam negara Filipina, Belanda menguasai pulau-pulau dan i Sabang ke Marauke yang kini sudah bersatu menjadi negara Indonesia, sementara Inggeris

pula menguasai negeri-negeri Melayu yang dulu dikenal sebagai Malaya dan sekarang disebut Malaysia, setelah disertai oleh Sabah dan Sarawak.

Jadi, politik penjajahlah yang telah memecahbelahkan orang-orang berketurunan Melayu di Nusantara ke dalam kelompok-kelompok yang dipisahkan di antara satu sama lain dengan batasan-batasan sempadan kenegaraan. Maka sampai sekarang apabila kita menyebut Melayu, tergambarlah di mata kepala kita hanya mereka yang tinggal di Semenanjung saja. Orang-orang keturunan Melayu di Filipina sudah disebut orang-orang Filipina, sementara orang-orang keturunan Melayu

di Indonesia disebut bangsa Indonesia pula, Kita sudah dijulingkan oleh pemisahan-pemisahan politik, sehingga kabur atau hilang terus pandangan kita terhadap persamaan-persamaan keturunan, kebudayaan dan sejarah yang meliputi kawasan serta kumpulan lebih besar tadi.

Melayu dari segi undang-undang dan perlembagaan istilah Melayu ini menjadi bertambah sulit lagi disebabkan oleh dua perkembangan baru. Pertama, pentakrifannya mengikut undang-undang dan keduanyapenggunaan istilah 'Bumiputera', Dari segi undang-undang, sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan negara, erti Melayu ialah "... seorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan

(a) lahir sebelum flari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada Han Merdeka ia adalah berdornisil di Perskutuan atau di Singapura; atau

(b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut Perlembagaan, Fasal 160).

Bukan tujuan kita di sini untuk mencabar undang-undang. Tetapi, sekadar untuk mengajak berfikir, marilah kita kaji apakah implikasi daripada takrif ini. Pada teorinya seseorang Melayu dan i segi undang-undang boleh merupakan siapa saja dan berketurunan apa saja, asalkan ia beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu.

Seorang bekas tentera upahan British yang sudah masuk Islam, yang berkahwin dengan seorang Melayu dan dengan itu sering bertutur dalam bahasa Melayu dengan isteri dan anak-anaknya dan mengikut pula adat istiadat orang-orang Melayu dalam hidup dan percampuran hari-harinya adalah seorang Melayu mengikut kehendak Perlembagaan itu. Begitu juga, seorang mualaf atau anak angkat berketurunan Cina atau India, hiclup dalam keluarga orang Melayu dan oleh itu bercakap Melayu dan menurut cara hidup orang Melayu dalam keluarganya, berhak juga untuk dianggap sebagai Melayu. Jadi berbeza pentakrifan Melayu mengikut undang-undang dengan takrif Melayu dari segi sejarah dan sosio-budayanya.

Dalam negeri ini, berdasarkan perlembagaan juga, orang Melayu mempunyai 'kedudukan istimewa' yang menjadi tanggungjawab Yang Dipertuan Agong untuk memeliharanya. Kedudukan istimewa ini ialah mengenai perkhidmatan awam, pemberian biasiswa dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan, dan pemberian permit dan lesen.

Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa untuk menentukan kadar kuota yang rnuasabah untuk orang-orang Melayu.

Oleh kerana rnenurut takrif undang-undang, pada teorinya, istilah Melayu merangkumi orang seperti bekas tentera upahan dan mualaf atau anak angkat sebagaimana yang tersebut di atas, maka adakah bererti mereka juga berhak untuk menerima kedudukan istimewa ini?

Berdasarkan soalan di atas maka tidak peliklah jikalau selalu kita mendengar suara rayuan dan juga hujah daripada seorang bekas Perdana Menteri supaya orang yang masuk Islam yang kini sering dipanggil 'saudara baru' – dan diberi kedudukan istimewa setaraf dengan orang Melayu dan diberikan kedudukan istimewa yang sama. Untuk menentang pandangan

ini, orang boleh menghujah bahawa masuk Islam sahaja belum memenuhi syarat-syarat untuk menjadi Melayu.

Seandainya seorang 'saudara baru' selepas masuk Islam tetap juga bertutur dalam bahasa ibundanya pada lazimnya, maka belumlah lagi ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Jadi dari sudut ini, benarliah jika dikatakan bahawa 'masuk Islam'

tidak sama ertinya dengan 'mejadi Melayu', walaupun sering juga orang ramai menganggap kedua-dua ini berkaitan rapat atau sama saja.

Hanya apabila saudara-saudara barn ini atau anak cucu mereka kemudian terus sebagai orang Islam dan selanjutnya bertutur Bahasa Melayu dan menurut adat resam Melayu dalam kehidupan sehari-hari, barulah mereka boleh dianggap Melayu dan berhak mendapat kedudukan istimewa. Semestinyalah hal ini akan berlaku selagi takrif Melayu dan fasal mengenai kedudukan istimewa dalam Perlembagaan itu tidak berubah. Kemudian bagaimana pula seandainya seorang pemuda Melayu merneluk agama lain dan Islam? Perkara ini jarang sekali berlaku, tetapi pernah beberapa waktu dulu akhbar mela s orkan cerita pemuda Melayu masuk undang-undang, dengan perbuatan ini tentulah kedudukan mereka sebagai seorang Melayu dan dengan sendirinya kedudukan istimewa akan hilang. Kerajaan pada teorinya boleh mengetepikan permohonan dan orang seperti ini untuk mendapat biasiswa, umpamanya, walaupun kelulusannya baik, walhal dia boleh diutamakan sekiranya tidak menukar agama itu.

Tentang istilah menganut Islam itu pula apakah maksudnya yang sebenar? Adakah sudah cukup dengan seseorang itu dilahirkan sebagai Islam, atau mengaku din sebagai Islam, dengan tidal( payah mengambil kira sama ada dia mengetahui asas-asas penting agama Islam, dan sama ada dia menjalankan segala suruhan yang fardu? Berbalik kepada soal pemuda tadi, adakah dapat dikatakan bahawa walaupun dari segi undang-undang dia bukan lagi Melayu, tetapi masih boleh dianggap sebagai Bumiputera saja, sebagaimana Orang Asli yang tidak beragama Islam dianggap Bumiputera?

Dari syarat agama, kita beralih pula kepada adat istiadat Melayu. Sebenarnya istilah ini kurang jelas maksudnya dan boleh menimbulkan pelbagai soalan. Adat istiadat bagaimanakah yang dimaksudkan? Adat adat istiadat Melayu yang sudah lapuk? Ada golongan - umpamanya orang tua-tua di kampung - yang kuat berpegang kepada adat lama; dan ada pula golongan - misalnya dari lapisan pertengahan di bandar - yang lebih kuat dipengaruhi oleh cara hidup dan adat istiadat Barat. Dengan dernikian, mungkin timbul soalan seperti ini: jikalau ada baba Melaka yang barn masuk Islam, dan dia bertutur bahasa Melayu saja, pandai menyanyi dondamayang, suka pakai kain di rumah, makan bersila-atas tika-fieria menyuap nasi lauk dengan tangan, dan mengahwinkan anaknya mengikut adat istiadat Melayu, mak adakah dia diterima sebagai orang Melayu mengikut takrif Perlembagaan?

Jikalau tidak, bagaimana pula dengan seorang pegawai Melayu yang beristerikan perempuan Barat, bercakap sepanjang masa dengan isteri dan anak-anaknya dalam bahasa Inggeris, makan di meja menggunakan garpu-sudu dan menyulam nasi-lauk dengan minuman keras, tidur dalam bilik berhawa dingin dengan memakai pijamas dan mengahwinkan anak mengikut adat istiadat yang asing daripada kebiasaan orang Melayu dengan berjamu di hotel ternama, tidak bersanding, dan mempelai memotong kek kahwin ala Barat? Tidak akan ada orang yang akan mempersoalkan kemelayuannya jikalau pegawai ini selepas bersara menjadi pemimpin politik pula, berperiperi menyuarakan kedudukan istimewa orang Melayu, dan atas nama keistimewaan itu juga memperoleh permit teksi serta ban balak untuk diri sendiri, kemudian diangkat pula menjadi pengarah syarikat milik asing, dan akhirnya jadi Datuk atau Tan Sri. Sekarang bagaimana pula dengan pendatang-pendatang yang asalnya dan beberapa tempat di Nusantara dan yang telah dianggap sebagai Melayu berdasarkan faktor-faktor sejarah dan sosio-budaya tadi? Dalam negeri ini terdapat ramai juga keturunan suku-suku kaurn seperti Jawa, Minangkabau, Aceh, Banjar dan lain-lain. Ada antara mereka yang sudah tiba di sini dan ada yang baru saja menetap. Antara mereka ini terdapat ramai juga yang bertutur hanya dalam bahasa atau loghat ibunda mereka. Ada sebilangan, walaupun kecil saja, yang tidak pandai pula bertutur dalam bahasa Melayu.

Dengan ini bererti mereka tidak memenuhi satu daripada syarat-syarat untuk dianggap sebagai Melayu dari segi undang-undang. Berikutan ini adakah bermakna juga bahawa mereka tidak berhak mendapat kedudukan istimewa sebagai seorang Melayu? Mungkin orang boleh menghujahkan bahawa sebagaimana golongan mereka termasuk dalam takrifan Melayu yang lebih luas, begitu juga bahasa atau loghat mereka terkandung claim keluarga besar bahasa-bahasa Melayu-Indonesia, dan oleh itu maka sepatutnyalah mereka dianggap Melayu jua. Tetapi ini hujah dari segi takrif sejarah dan sosio-budaya. Daripada segi undang-undang tidak ada sesuatu yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu itu meliputi bahasa-bahasa Jawa, Minang, Aceh dan Banjar.

Adakah hendak dimasukkan saja orang seperti ini ke dalam golongan yang digelar Bumiputera? Sekali lagi kita merujuk kepada perlembagaan. Mengikut dokumen ini erti Bumiputera ialah: "(a) mengenai Sarawak, seseorang warga negara dan ia adalah seorang dari mana-mana satu kaum yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai kaum asli negeri itu atau ianya adalah seorang yang

berketurunan campuran yang berasal hanya dan kaum-kaum itu; dan "

(b) mengenai Sabah, seseorang warga negara dan ia adalah anak atau cucu kepada seorang dan suatu kaum asli Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) di Sabah atau bapanya, pada masa ia lahir itu adalah berdonaisil di Sabah." (Perlembagaan, Fasal 61A(6)).

Di Sarawak ada senarai nama kaum asli yang termasuk dalam takrif Bumiputera itu, tetapi untuk Sabah dan Semenanjung tidak ada senarai yang serupa. Namun yang jelas termasuk di bawah takrif Bumiputera bagi ketiga-tiga kawasan ini ialah Orang Ash di tempat masing-masing.

Takrif itu tidak pula meliputi orang Jawa, Minang, Aceh dan Banjar yang lazirnya bertutur dalam bahasa ibunda sendiri seperti yang disebut terlebih dulu. Jadi kedudukan mereka ini masih samar-samar lagi. Lebih sulit ialah kerana mudah saja untuk menghujahkan bahawa mereka ini tidak mungkin dikatakan sebagai kaum asli Semenanjung sebab kebanyakan mereka pendatang yang belum sampai 100 tahun bermastautin di sini. Mereka berbeza dengan Orang Asli yang sudah turun-temurun menetap di sini seperti Jakun, Senoi, Semang, Temiar dan lain-lain yang memang dari dulu disebut sebagai Bumiputra, dan tidak digolongkan ke dalam takrif Melayu sebab kebanyakan mereka tidak menganuti agama Islam.

### **Melayu, Bumiputera dan Islam**

Perkataan Bumiputera ini membawa pengertian yang khusus dari segi undang-undang hanya selepas pengabungan Sabah dan Sarawak dengari Semenanjung pada tahun 1963. Sebelum itu perkataan ini digunakan secara umum saja dengan maksud anak watan atau pribumi yang merupakan golongan asal di negeri ini, berbeza daripada golongan yang mendatang - khususnya orang Cina dan India. Jadi dengan sendirinya orang Melayu adalah juga Bumiputera atau anak watan di negara ini. Akan tetapi selepas pengabungan tersebut maka termasuklah ke dalam bilangan penduduknya orang yang merupakan pribumi atau anak watan bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Dari segi sosio-budaya mereka ini kebanyakannya dapat juga digolongkan kepada kelompok besar keturunan Melayu. Tetapi tidak beragama Islam. Ramai yang menganuti kepercayaan animisme dan ada pula yang telah memeluk agama Kristian hasil usaha-usaha yang dijalankan oleh para pengembang agama itu.

Dari segi undang-undang, golongan-golongan anak watan atau

Bumiputera ini harus dilindungi dan diberikan kedudukan istimewa. Dalam perlembagaan waktu itu, hanya orang Melayu saja yang mempunyai kedudukan istimewa. Orang seperti Kadazandusun di Sabah dan Iban di Sarawak serta banyak lagi tidak boleh disebut Melayu,

Sebaliknya memang sudah wujud golongan Melayu di kedua-dua negeri itu. Tambahan pula orang seperti Kadazandusun dan Iban tidak akan rela digelar Melayu; mereka mempunyai nama sendiri yang melambangkan keperibadian golongan mereka. Apatah lagi, dalam sejarah silam orang Iban khususnya, mereka pernah memandang orang Melayu sebagai musuh.

Dari segi undang-undang pula mereka sudah tentulah tidak dapat dimasukkan ke dalam istilah Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan kerana mereka tidak beragama Islam dan masing-masing melalui adat resam sendiri. Tetapi bagaimana pula dengan sesetengah mereka yang sudah masuk Islam, semakin biasa bertutur bahasa Melayu dan mulai pula menerima adat istiadat Melayu? Adakah mereka boleh dianggap Melayu?

Begitu juga keadaannya dengan orang Jakun, Senoi, Temiar dan Semang di Semenanjung. Adakah mereka menjadi Melayu apabila masuk Islam, bercakap Melayu sehari-hari Melayu jua?

Mungkin dan dari segi praktis soalan-soalan ini tidak begitu penting kerana sama ada disebut Melayu atau Bumiputera, secara teorinya, mereka mempunyai kedudukan istimewa yang sama di sisi Perlembagaan.

Perbincangan setakat ini menunjukkan bahawa, (i) daerah liputan dan takrif Melayu dan dari segi sejarah serta sosio-budaya berbeza dengan takrifnya dan dari segi undang-undang, dan (ii) takrif mengikut Perlembagaan itu sekiranya hendak dituruti dengan cara yang halus, teliti dan ketat akan menimbulkan beberapa persoalan kerana takrif itu berkemungkinan mengasingkan seseorang yang berketurunan Melayu dan dari segi sejarah serta sosio-budaya daripada kumpulan Melayu menurut takrif undang-undang, dan mungkin juga memasukkan seseorang yang bukan keturunan Melayu ke dalam kumpulan Melayu yang berasaskan takrif undang-undang pula.

Dengan hal yang demikian, nyatalah bahawa jika hendak mengetahui siapakah sebenarnya orang Melayu maka kita tidak boleh berpandu hanya kepada faktor sejarah serta sosio-budaya atau faktor undang-undang saja, bahkan kita harus menggabungkan kedua-dua faktor tersebut. Artinya orang Melayu itu tetap merupakan satu kelompok manusia yang luas tersebar di seluruh Nusantara, dan oleh sebab pemisahan-pemisahan yang



diakibatkan oleh sejarah dan politik maka wujudnya bahagian-bahagian yang tertakluk di bawah negara dan undang-undang masing-masing, sama ada di Filipina, Indonesia atau negara ini.

Untuk Semenanjung, faktor-faktor seperti agama, bahasa dan adat istiadat dilembagakan sebagai ukuran-ukuran untuk memudahkan pengenalan golongan yang dikatakan Melayu itu. Jika faktor-faktor sosio-budaya dan undang-undang digunakan secara bergabung untuk menentukan siapakah yang termasuk atau terkeluar daripada takrif Melayu itu, maka beberapa soalan atau tanda tanya yang ditirnbulkan tadi boleh diatasi. Orang Jawa yang bertutur bahasa ibundanya, atau pegawai yang kebaratan adat istiadatnya itu, tetap rnerupakan orang Melayu kerana dan dari segi asal keturunan rnereka adalah orang Melayu.

Selanjutnya, orang seperti baba yang sudah masuk Islam tadi mungkin akhirnya diterima juga sebagai Melayu – sebagaimana yang berketurunan Pakistan atau India dan juga Arab kini sudah dianggap dan menganggap sebagai Melayu dan berhak pula mendapat kedudukan istimewa yang tertentu, walaupun sebelum Perang Dunia II dulu rasa benci orang Melayu terhadap mereka boleh dikatakan kuat juga. Mereka disebut sebagai DKK (Darah Keturunan Keling) atau DKA (Darah Keturunan Arab) dan mahu dinafikan hak sebagai orang Melayu.

Seperti yang telah diterangkan lebih awal, orang Melayu merupakan hanya sebahagian (walaupun lebih separuh) daripada jumlah penduduk negeri ini. Orang Melayu juga merupakan satu kumpulan kaurn yang tersendiri. Mereka adalah sebahagian daripada suatu keseluruhan yang dianggap sebagai bangsa (nation) dalam negara ini. Soal bangsa atau

Kebangaan ini memang sudah lama menimbulkan kekaburan dan kekusutan dalam pemikiran orang ramai, bahkan para pemimpin jua.

### **Melayu sebagai rupa bangsa rakyat Semenanjung**

Pada satu ketika selepas Perang Dunia II pernah pemimpin-pemimpin seperti Dr Burhanuddin serta Tan Cheng Lock menyarankan melalui Manifesto Rakyat yang digubal oleh PUTERA-AMCJA, sebuah gabungan pertubuhan politik dan bukan politik, supaya rupa bangsa untuk semua penduduk dalam Semenanjung ini dinamakan 'Melayu' sala. Faktor penting yang menyebabkan saranan ini tidak menjadi kenyataan ialah kerana mereka dan gerakan politik yang mereka pimpin tidak mendapat kuasa.

Selepas Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1948, istilah 'Malayan' digunakan sebagai rupa bangsa. Pada hakikatnya bangsa Malayan yang sebenar tidak pernah wujud kerana orang Melayu,

Cina dan India terus merupakan entiti yang terpisah. Bahkan pihak pentadbiran sering merujuk tiap-tiap entiti ini sebagai satu bangsa. Sebenarnya, istilah Malayan (dan Malaysian sekarang) hanya merujuk kepada kewarganegaraan.

Kemudian, setelah Persekutuan Tanah Melayu dibentuk, timbullah pengenalan tentang apa yang dikatakan sebagai bangsa 'Malayan'. Akan tetapi nyata pada hakikatnya bahawa satu bangsa 'Malayan' yang utuh tidak wujud, tetap masih ada pecahan-pecahan seperti Melayu, Cina dan India, yang masing-masing kadang-kadang dianggap oleh pihak pentadbiran sendiri sebagai bangsa juga. (Lihat saja borang-borang rasmi

kerajaan yang selalu sekali mengistilahkan tiap-tiap kaum ini sebagai bangsa) Akhirriya apa yang dikatakan Malayan itu sebenarnya cuma menandakan taraf kewarganegaraan saja.

Apabila Malaysia dibentuk, maka dengan sendirinya berubahlah nama kewarganegaraan itu menjadi 'Malaysian'. Narnanya berubah, tetapi hakikatnya tidak. Mungkin kerana kekacauan yang wujud dalam takrif bangsa dan warganegara inilah maka satu ketika dulu Dato' Onn pernah mengemukakan soalan: apakah corak bangsa negeri ini belutkah, ularkah atau nagakah?

Sesungguhnya pembentukan satu bangsa yang padu itu pasti akan mengambil masa yang lama dalam sesuatu masyarakat berbilang kaum seperti yang wujud di negara ini. Tambahan pula, dalam sejarah perjuangan kebangsaan kita menentang penjajahan tidak timbul kehebatan dan kegernilangan seperti yang terdapat pada setengah-setengah negeri lain di Asia dan Afrika, di mana telah timbul semangat kebangsaan yang kuat dan perpaduan yang kukuh di kalangan semua golongan rakyatnya.

Sehingga sekarang ini masih meluas digunakan istilah seperti bangsa Melayu, bangsa Cina dan bangsa India. Ini menguatkan lagi haidkat bahawa konsep bangsa dalam pengertian yang lebih luas dan merangcumi 'bangsa-bangsa' yang lebih kecil itu masih belum wujud lagi sebagai suatu kenyataan. Sebenarnya lebih tepat jika kumpulan-kumpulan Melayu, Cina dan India itu tidak disebut sebagai bangsa atau bangsa-bangsa kecil bahkan dirujutkan sebagai kumpulan kaum atau etnik saja.

Bagi ahli kaji manusia dan kaji masyarakat, kumpulan kaum atau etnik itu merupakan kumpulan yang menganggap diri mereka sendiri dan dianggap oleh orang lain sebagai mempunyai persamaan oleh kerana keturunan yang sama. Mereka mempunyai bahasa, kebudayaan dan agama yang serupa, ikatan emosi yang kuat antara satu sama lain, dan sentiasa ingin mempertahankan

keutuhan mereka sebagai satu kumpulan yang tersendiri. Ini akan dibincangkan lebih lanjut lagi dalam Bab VIII nanti.

Orang Melayu sebagai satu kumpulan kaum di negeri ini menghadapi banyak masalah dan cabaran yang meliputi semua bidang. Segala ini akan dihuraikan satu persatu sekadar yang terupaya dalam bab-bab berikutnya. Masalah serta cabaran ini, serta kejayaan mengatasinya bukan saja akan menentukan kekuatan kaum itu sendiri bahkan akan mempengaruhi proses pembentukan satu bangsa yang **BEBAS, BERSATU DAN MAJU**.